

# Keng Yaik selar pemimpin DAP

UM-26/9/2006

Oleh ANGELINA SINYANG

**TAIPING** 25 Sept. - Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Seri Lim Keng Yaik mengingatkan pemimpin DAP supaya jangan cakap yang bukan-bukan terhadap pemimpin Cina dalam Barisan Nasional (BN) semata-mata kerana mereka menyelar kenyataan Lee Kuan Yew.

Menurut Presiden Gerakan itu, tindakan parti pembangkang terbabit menyokong Kuan Yew bukanlah sesuatu yang luar biasa kerana umum mengetahui bahawa dasar DAP tidak jauh berbeza dengan bekas Perdana Menteri Singapura itu.

Sehubungan itu, katanya, tidak hairanlah jika pemimpin DAP seperti Setiausaha Agungnya, Lim

Guan Eng sanggup menuduh pemimpin Cina BN mengamalkan penafian politik apabila menyelar kenyataan Kuan Yew.

"Itu dia (DAP) punya parti (ada persamaan) jadi mesti dia mahu melindungi partinya. Jadi (DAP) jangan cakap banyak," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada Malam Amal Gerakan Bukit Gantang di sini malam tadi.

Beliau diminta mengulas mengenai kenyataan Guan Eng dalam laman web *Malaysiakini* yang menuduh pemimpin Cina BN mengamalkan politik penafian terhadap dakwaan Kuan Yew, sedangkan apa yang didakwa oleh Menteri Mentor Singapura itu memang berlaku di Malaysia.

Guan Eng turut mengibaratkan reaksi berkenaan seperti tin kosong dan membuat dakwaan

**Itu dia (DAP) punya parti (ada persamaan) jadi mesti dia mahu melindungi partinya.**

**Jadi (DAP) jangan cakap banyak**

lanjut bahawa kaum India dan Melayu miskin di negara ini juga dipinggirkan.

Mengenai permintaan supaya Kuan Yew memohon maaf, Keng Yaik berkata, terpulanglah kepada pemimpin itu bagaimana mahu menarik balik kenyataannya.

"Macam mana Kuan Yew mahu menarik balik kenyataannya, itu dia punya masalah. Apa pun, dakwaan yang dikeluarkannya tempoh hari memang mengganggu rakyat di Malaysia.

"Ini (kenyataan) saya ingat tidak patut dikeluarkan. Apa tu-

juannya saya tidak tahu tetapi orang ini (Kuan Yew) boleh dianggap sebagai berniat jahat dan kita tidak boleh terima komen-komen itu," ujarnya.

Kuan Yew pada Jumat lalu, membuat kenyataan sempena mesyuarat Bank Dunia-Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) di Singapura mendakwa Malaysia dan Indonesia mempunyai masalah dengan golongan Cina yang bekerja keras dan berjaya meminggirkan mereka secara sistematik.